

MEMERANGI KEMISKINAN TEGAR

Oleh Mustafa Dakian

Langkah kerajaan menubuhkan jawatankuasa tertinggi pada peringkat kabinet untuk menangani kemiskinan tegar dalam kalangan semua kaum seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, amat dialu-alukan. Walaupun kerajaan sentiasa memberikan perhatian terhadap masalah kemiskinan, penubuhan jawatankuasa kabinet itu membuktikan kesungguhan kerajaan untuk menangani kemiskinan tegar dengan lebih berkesan. Malah, matlamat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) secara jelas menggariskan sasaran kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan semua kaum pada tahun 2010.

Sehubungan dengan hal itu, kemiskinan tegar berbeza mengikut lokasi dan definisinya juga berlainan. Misalnya, kemiskinan tegar di bandar mungkin lebih teruk daripada kategori yang sama di luar bandar, walaupun keadaannya jauh berbeza kerana di bandar semua kemudahan awam

disediakan. Sementara itu, soal kemiskinan tegar ini tidak mengira kaum dan bukan sahaja terbatas kepada kaum India, malahan melibatkan semua kaum.

Setakat ini, Malaysia masih menggunakan garis kemiskinan sebagai petunjuk mikro ekonomi. Ketika ini, garis kemiskinan ialah RM691 untuk seluruh negara. Di Semenanjung Malaysia garis kemiskinan ialah RM661, di Sabah pula RM888, manakala di Sarawak ialah RM765. Penanda aras ini wujud daripada garis kemiskinan dan bukan garis kemiskinan makanan.

Seseorang yang berada pada tahap kemiskinan tegar ialah mereka yang berada di bawah garis kemiskinan makanan. Kemiskinan tegar untuk Malaysia secara keseluruhannya ialah RM415, tetapi jika mengikut pecahan, Semenanjung RM398, Sabah RM503 dan Sarawak RM482. Dalam statistik tahun 2005, isi rumah yang berada di bawah pendapatan RM415 sebulan berada dalam kemiskinan tegar, manakala di bawah RM691 berada dalam kemiskinan. Kadar kemiskinan di

desa masih tinggi berbanding dengan kemiskinan di bandar.

Walau bagaimanapun, trend di bandar semakin meningkat dan fakta ini berdasarkan ukuran garis kemiskinan. Sebenarnya, kadar kemiskinan di bandar masih belum dapat ditentukan dengan tepat. Hal ini demikian kerana tidak banyak kajian yang mengetengahkan punca, kehendak, dan ciri-ciri golongan miskin di bandar. Hal ini menjadi satu masalah. Pada tahun 2004, secara keseluruhan kadar kemiskinan di luar bandar ialah 11.9 peratus, tetapi di bandar kadarnya ialah 2.5 peratus. Kemiskinan tegar di bandar ialah 0.4 peratus dan luar bandar pula 2.9 peratus.

Ahli ekonomi berpendapat, kadar kemiskinan di negara ini tidak begitu serius berbanding dengan kadar kemiskinan di negara Afrika. Malaysia berpotensi untuk mengatasi masalah kemiskinan. Di Malaysia, statistik 2004 menunjukkan kadar kemiskinan paling banyak di Sabah, Terengganu dan Kelantan. Kadar kemiskinan di Sabah ialah 23 peratus, Terengganu

15.4 peratus dan Kelantan 10.6 peratus. Kadar kemiskinan paling rendah ialah Pulau Pinang, iaitu 0.3 peratus, Selangor 1.0 peratus, Negeri Sembilan 1.4 peratus, Wilayah Persekutuan 1.5 peratus, Melaka 1.8 peratus dan Johor 2.0 peratus. Kadar kemiskinan di Pulau Pinang paling rendah kerana pembangunan industri yang begitu pesat di negeri itu, begitu juga dengan Selangor (Dr. Sulochana, UM, 2007).

Pada awal kemerdekaan, kadar kemiskinan di negara kita ialah 60 peratus, tetapi usaha berterusan kerajaan dengan pelaksanaan pelbagai projek serta program sosioekonomi, kadar tersebut berjaya dikurangkan kepada 5.7 peratus sekarang, tetapi kemiskinan tegar tetap wujud. Mungkin jawatankuasa tertinggi peringkat Kabinet dapat mengarahkan satu soal selidik tentang punca wujudnya kemiskinan tegar dilakukan secara mendalam.


Adakah program sosioekonomi kerajaan selama ini kurang berkesan, mereka gagal memanfaatkan program itu, kegagalan wakil rakyat di kawasan

terbabit atau ada faktor lain? Misalnya, mungkin orang yang dianggap miskin tegar di luar bandar atau pedalaman mempunyai tanah, tetapi tidak mengusahakannya. Jika mereka tidak tahu mengusahakannya, jawatankuasa kabinet boleh arahkan agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian menemui isi rumah ini dan mencari jalan membantu.

Umum juga berharap kerajaan mengurangkan pemberian subsidi kerana untuk membantu rakyat yang sudah lebih setengah abad merdeka, memerlukan anjakan paradigma dengan turut memastikan tidak mengharap bantuan semata-mata, tetapi berusaha sendiri. Walaupun kerajaan memang berhasrat mengurangkan subsidi supaya rakyat boleh berusaha sendiri, hal ini belum lagi dilakukan secara drastik. Bagi subsidi minyak misalnya, kerajaan memang ada rancangan untuk mengurangkan subsidi serta mahu bantuan disasarkan kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukannya seperti nelayan.

Bagi jangka panjang, antara pendekatan dilaksanakan kerajaan dalam membasmi kemiskinan seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri adalah menerusi pelajaran dengan menyediakan pelbagai kemudahan, termasuk mengecualikan yuran peperiksaan sejak 2006 serta menghapuskan yuran persekolahan dan memberikan buku teks percuma mulai tahun 2008. Masyarakat tidak mahu kerana dibelenggu kemiskinan seperti keadaan sebelum merdeka, anak-anak tidak dihantar ke sekolah atau tidak dapat menduduki peperiksaan.

Sepututnya, dalam usaha membasmi kemiskinan tegar ini, semua pihak termasuk parti pembangking perlu bekerjasama. Kerjasama itu termasuk tidak menghasut penduduk supaya jangan menerima program pembangunan kerajaan Barisan Nasional (BN). Umum berharap agar semua projek dirancang menerusi koridor ekonomi wilayah di seluruh negara nanti dapat mengurangkan kadar kemiskinan secara drastik.



Melalui RMK-9, kerajaan berusaha membasmi kemiskinan tegar menjelang tahun 2010.

Perdana Menteri menyatakan dasar pengagihan ke arah pembasmian kemiskinan untuk semua kaum dan penyusunan semula masyarakat akan diteruskan selagi wujud ketidakseimbangan antara kaum dengan wilayah. Sebagai contoh, kerajaan melancarkan pelbagai usaha di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi mengurangkan masalah ketidakseimbangan itu secara membina dan produktif. Antara langkah itu termasuklah:

- Membasmi kemiskinan tegar menjelang tahun 2010 di samping mengurangkan kemiskinan keseluruhan.
- Memajukan wilayah kurang membangun menerusi pusat pembangunan wilayah.
- Menangani jurang antara dan dalam kumpulan etnik terutamanya dengan menambah pendapatan melalui peningkatan kemahiran dan kebolehan.

Berlandaskan teras ketiga Misi Nasional, kerajaan bersetuju melanjutkan tempoh pencapaian matlamat penyusunan semula hak milik dan guna tenaga sehingga tahun 2020. Kerajaan menambah, sasaran matlamat penyusunan semula masyarakat akan berjaya dicapai terutama jika pengagihan kekayaan negara dapat dilakukan dengan lebih adil bagi semua kumpulan etnik serta kawasan bandar dan luar bandar. Hal ini dapat mempercepat usaha memastikan penyertaan lebih seimbang dan saksama dalam kalangan semua warga Malaysia.

Seterusnya, kejayaan mencapai matlamat itu menyumbang ke arah perpaduan nasional yang menjadi agenda terpenting dalam pembangunan negara. Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan strategi pertumbuhan untuk menghapuskan ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik dan memastikan tiada masyarakat yang tercicir daripada arus pembangunan negara.

Perdana Menteri seterusnya menjelaskan, kerajaan dari semasa

ke semasa juga akan menjalankan kajian terhadap instrumen yang telah diperkenalkan semenjak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan. Hal ini bertujuan untuk melihat sama ada instrumen itu memberikan impak yang berkesan ke arah mencapai matlamat perpaduan nasional dan pengagihan kekayaan negara yang lebih seimbang antara semua kaum di Malaysia.

Kini, Belanjawan 2008 sekali lagi memartabatkan agenda pembasmian kemiskinan bagi melahirkan strata masyarakat yang stabil dan saksama, yakni tiada yang dominan dan tiada yang terpinggir. Menerusi peruntukan RM214 juta bagi skim pembangunan kesejahteraan rakyat untuk pembasmian kemiskinan tegar menjelang tahun 2010, menunjukkan semangat dan iltizam kerajaan adalah berterusan dan bermatlamatkan kejayaan jangka panjang. Dengan RM117 juta dikhususkan bagi tujuan merangka dan menayakan lagi program pembangunan, pengurangan kemiskinan dan melonjakkan program mega bagi tujuan tersebut, semestinya memberikan nafas lega kepada masyarakat yang terlibat.

Di sebalik kemakmuran, nasib enam peratus rakyat yang dikategorikan miskin mendapat pembelaan yang wajar daripada kerajaan. Pembinaan rumah kos rendah, menyediakan peluang kerja serta menambah baik kemudahan pengangkutan awam dilihat sebagai satu lagi langkah kerajaan yang bukan hanya menumpukan usaha membasmi kemiskinan tegar di luar bandar seperti kebiasaannya. Namun begitu, usaha juga diteruskan untuk memastikan kemiskinan tidak menular ke kawasan bandar yang sudah tentulah kos sara hidupnya lebih tinggi dan memeritkan berbanding dengan kehidupan di luar bandar.

Selain itu, kesedaran membasmi kemiskinan tidak sahaja dalam bentuk pembangunan fizikal. Kerajaan juga sedar bahawa menerusi pendidikan yang secukupnya, maka hal ini akan melonjakkan generasi seterusnya untuk keluar dari kepompong

kemiskinan agar tidak diwarisi oleh generasi mereka. Untuk itu, kerajaan memperuntukkan tambahan RM30 juta kepada badan-badan sukarela (dalam konteks sekarang dikenal sebagai pertubuhan bukan kerajaan atau NGO) bagi membantu mengadakan program latihan kepada pelajar khususnya bagi pelajar di kawasan bandar yang tercicir dari persekolahan untuk mendapatkan kemahiran yang bersesuaian. Langkah ini sekali gus memberikan impak kepada agenda membasmi gejala sosial yang dilihat semakin berleluasa di kalangan remaja dan belia masa kini.

Dengan agenda pembasmian kemiskinan tegar yang diberi perhatian berpanjangan oleh kerajaan, maka hal ini akan memberikan nampak terbaik dalam peningkatan pembinaan modal insan yang berkeupayaan tinggi dalam memajukan negara. Di samping itu, peruntukan dan penekanan kerajaan dalam pendidikan juga dilihat memberikan kesan jaringan kepada pembasmian kemiskinan ini, iaitu skop pendidikan diperluas sehingga tiada sebab kepada masyarakat miskin tegar untuk tidak menyekolahkan anak-anak jajaan mereka.

Kini, ibu bapa bertanggungjawab untuk bukan lagi memikirkan kos sara pendidikan anak-anak sekolah, tetapi perlu menumpukan kos masa dalam mendidik anak-anak jajaan mereka agar pelajaran yang dibekalkan di sekolah seiring dengan didikan yang diberikan oleh ibu bapa dan waris di rumah dan kejrangan masing-masing.

Malahan, dengan peruntukan RM30 bilion menerusi Belanjawan 2008, memperlihatkan satu inovasi bertaraf tinggi dalam memperkasakan sistem pendidikan sekolah di Malaysia. Dengan 100 peratus persekolahan ditanggung oleh kerajaan serta penaiktarafan kemudahan sekolah, Malaysia dilihat tergolong dalam kalangan minoriti negara dunia yang berkesanggupan menyediakan sepenuh pembiayaan terhadap pendidikan bagi generasi pelapis masa hadapan. Inilah cara kerajaan menyediakan modal

Jadual 1 Pembangunan ekogomi dan kemiskinan di Wilayah Pembangunan Ekonomi dalam RMK-9

Negeri	Kadar Kemiskinan (%) 1999	Kadar Kemiskinan (%) 2004	Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah (RM) 2004	Indeks Komposit Pembangunan (IKP) 2005	KDNK Per Kapita (RM) 2005	Perbelanjaan RMK-9 Bilion (2006-2010)
Koridor Pembangunan Ekonomi Johor Selatan (SJER)						
Johor	3.1	2.0	3076	100.5	18733	10
Koridor Pembangunan Ekonomi Utara (NCEr)						
Kedah	14.2	7.0	2126	97.8	12132	8
Perlis	13.6	6.3	2046	99.9	15166	2
Pulau Pinang	0.7	0.3	3531	105.7	28581	6
Perak	6.8	4.9	2207	100.4	18616	8
Koridor Pembangunan Ekonomi Timur (ECER)						
Kelantan	25.2	10.6	1829	93.1	8638	7
Terengganu	22.7	15.4	1984	96.2	29516	6
Pahang	9.8	4	2410	97.6	14549	10
Koridor Pembangunan Sabah (SDC)						
Sabah	23.4	23	2487	90	11323	16
Negeri-negeri Lain						
Kuala Lumpur	0.4	1.5	5011	109.6	39283	31
Melaka	2.9	1.8	2792	104.2	21410	4
Selangor	1.9	1.0	5175	103.2	21286	16
N Sembilan	4.1	1.4	2886	102.3	17555	6
Sarawak	3.4	2.5	2725	101.5	18456	8

Sumber: Rancangan Malaysia Kesembilan

insan futuristik yang diyakini akan membolehkan usaha kemiskinan sifar dijayakan dengan cemerlang.

Jelas, Belanjawan 2008 berupaya memperkukuh legasi pragmatik yang diamalkan oleh negara sejak tahun 1957 dalam pembinaan sistem ekonomi yang memberikan tumpuan kepada pembasmian kemiskinan. Menurut Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, pengamalan pewarisan struktur ekonomi yang pragmatik ini ialah asas kepada kejayaan negara menangani kemiskinan. Kini, dakwah Malaysia sejak tahun 1957 adalah membasmi kemiskinan sebagai agenda utama kejayaan di dunia dan akhirat. Membasmi kemiskinan artinya menghindarkan diri daripada kefuquran, yakni bebas daripada terjajah dan dihambakan oleh anasir asing.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mempunyai sasaran untuk mengatasi masalah kemiskinan tegar dalam kalangan penduduk menjelang tahun 2010. Kini, jumlah rakyat yang

termasuk dalam kategori miskin tegar di seluruh negara berjumlah 48 134 orang. Bagi pihak kerajaan, dalam tempoh antara Jun sehingga Disember 2006, 3830 orang berjaya dikeluarkan dari kelompok miskin tegar. Bagi tahun 1997 pula, sehingga 31 Mac 2007, daripada jumlah 48 134 orang miskin tegar, kementerian berkenaan berjaya menurunkan kadarnya menjadi 44 304 orang dan angka itu akan terus dikurangkan.

Kementerian terlibat turut menyasarkan kemiskinan tegar sifar dengan menyediakan pelbagai program bagi membantu menaikkan pendapatan kepada keluarga miskin. Menerusi program Latihan, Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), 4000 orang mengikuti program tersebut dan hal ini menunjukkan kesan positif. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan mengakui, proses pemutihan miskin tegar berjalan agak sederhana, maka usaha yang lebih giat perlu dipercepat.

Melalui Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9), kerajaan memperuntukkan RM603 juta untuk membantu

meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pula merangka sebanyak empat program perintis berimpak tinggi untuk membasmi kemiskinan tegar di seluruh negara akan dilaksanakan di bawah RMK-9. Perkembangan program pembasmian kemiskinan tegar di bawah RMK-9 yang melibatkan 67 000 isi rumah di seluruh negara.

Kerajaan turut memperuntukkan RM578 juta bagi pelaksanaan empat program utama yang lain. Projek-projek itu ialah projek pembangunan kesejahteraan rakyat, projek pembangunan oransasi, pembangunan ladang rakyat melibatkan tanah seluas 2500 hektar oleh FELCRA dan pembukaan ladang getah. Justeru, kemiskinan tegar perlu diperangi habis-habisan dengan melibatkan semua pihak seperti kerajaan, swasta, NGO, pemimpin politik, ketua masyarakat, masyarakat dan ahli agama, yang merupakan jihad untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. ■